

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR
(KULIM BANDAR BAHARU)**

TARIKH : 25 MAC 2015 (RABU)

DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan perancangan Kementerian bagi membantu industri francais untuk terus berkembang dan meningkatkan sumbangan lebih daripada RM25.6 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) seperti pada tahun 2014.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Industri francais negara telah berkembang pesat sejak beberapa tahun kebelakangan ini, dipacu oleh permintaan daripada pasaran domestik dan pasaran antarabangsa. Seiring dengan kemajuan ekonomi negara, industri francais tempatan diunjurkan untuk berkembang dengan lebih pesat terutamanya dalam sektor makanan dan minuman, pendidikan, perkhidmatan serta pakaian dan aksesori. Sehingga 28 Februari 2015, sejumlah 767 sistem perniagaan francais di negara ini telah didaftarkan di mana 535 adalah merupakan syarikat francais tempatan, manakala 233 adalah syarikat francais asing.

Pada tahun 2013, industri francais di negara ini telah menyumbang sejumlah RM24.6 bilion atau 2.5% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Pada tahun 2020, Kementerian mengunjurkan industri francais di negara ini mampu menyumbang sejumlah RM35 bilion kepada KDNK negara melalui pelbagai inisiatif dan program yang telah dirancang.

Untuk membolehkan industri francais di negara ini berkembang dengan lebih pesat, sebuah persekitaran perniagaan yang dinamik dan kondusif bagi industri francais perlu diwujudkan bagi membolehkan industri ini memberikan sumbangan yang lebih besar kepada ekonomi negara. Kementerian telah menggubal Pelan Induk Pembangunan Industri Francais Negara (*PIPFN*) atau *Franchise Blueprint* yang meliputi tempoh daripada tahun 2012 sehingga Tahun 2020. Matlamat utama Pelan Induk Pembangunan Francais ini ialah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah *hub* francais di Asia Tenggara dan Timur Tengah

menjelang tahun 2020. PIPFN ini mengandungi empat (4) teras strategik yang dapat membantu mempertingkatkan industri francais negara iaitu :

- i) Meningkatkan daya saing francais tempatan;
- ii) Melakukan transformasi perniagaan melalui francais;
- iii) Membangunkan modal insan yang cekap; dan
- iv) Mewujudkan ekosistem francais yang dinamik.

Di bawah KPDNKK, terdapat sebuah agensi khusus iaitu Perbadanan Nasional Berhad (PNS) yang penubuhannya adalah bermatlamatkan untuk menyediakan dana, memberikan khidmat nasihat dan latihan kepada syarikat dan usahawan dalam industri francais. Di samping itu juga, KPDNKK juga menjalinkan kerjasama dengan Persatuan Francais Malaysia (MFA) yang mempunyai rangkaian dan hubungan yang rapat dengan pemain-pemain industri francais tempatan dan antarabangsa.

Bagi mencapai matlamat tersebut, pelbagai program telah dan sedang dilaksanakan antaranya :

- i) Program Pembangunan Francais Tempatan (PPFT);
- ii) Dana Bantuan Pembangunan Francaisor (DBPF);
- iii) Program *Business in Transformation* (BIT);
- iv) Misi Promosi Francais Antarabangsa (melalui program *Franchise Malaysia Goes Global*); dan
- v) Dalam Bajet 2015, Kerajaan telah memperuntukkan dana berjumlah RM20 juta bagi tujuan pembangunan eksport francais bagi tempoh 2015-2020.

Secara keseluruhannya, industri francais di negara ini tidak akan berdaya maju tanpa penglibatan daripada semua pihak yang berkepentingan di dalam industri. Sehubungan dengan itu, penglibatan daripada para francaisor, francaisi, institusi kewangan, persatuan-persatuan NGO seperti MFA, pengamal perundangan francais, perunding francais dan sebagainya amatlah diperlukan bagi memajukan industri francais negara ke satu tahap yang lebih tinggi.